



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 22 Disember 2023

Selepas menanam 2.5 juta pokok, Nestlé Malaysia teruskan usaha penghutanan semula dan melindungi biodiversiti negara

Projek RELeaf selesai tanam 1.5 juta pokok lagi selepas menyemai 1 juta pokok di bawah Projek RiLeaf

PETALING JAYA, 22 Disember 2023 – Menerusi program penghutanan semula Projek RELeaf, Nestlé Malaysia telah mengukuhkan peranannya sebagai penyumbang penting kepada usaha pemulihan ekologi negara di bawah kempen 'Penghijauan Malaysia' yang bertujuan menanam 100 juta pokok menjelang 2025. Dengan kejayaan menanam 1.5 juta pokok di bawah Projek RELeaf, di samping 1 juta pokok yang telah ditanam sebelum ini di bawah Projek RiLeaf (disempurnakan pada 2020), Nestlé Malaysia kini telah mencapai mercu jaya penting menanam sebanyak 2.5 juta pokok secara keseluruhannya. Pencapaian ini sekaligus memperlihatkan komitmen kukuh Nestlé Malaysia kepada amalan lestari dan pemuliharaan alam sekitar menerusi strategi positif hutan. Syarikat akan meneruskan usaha menanam 1.5 juta lagi pokok menjelang separuh pertama 2025 untuk mencapai angka 4 juta pokok, dengan 3 juta ditanam selepas tamat perintah kawalan pergerakan pada 2021.

Semasa memulakan proses penghutanan semula dengan Project RiLeaf, Nestlé Malaysia telah menerajui program penanaman 1 juta pokok di Kinabatangan Wetlands, Sabah yang penting dari segi ekologi, dari tahun 2011 hingga 2020. Inisiatif penghutanan semula di tebing sungai ini merupakan kunci kepada usaha mewujudkan persekitaran harmoni di mana manusia, alam sekitar dan kegiatan

pertanian boleh wujud secara sinergi, yang bertumpukan usaha memelihara nadi kehidupan penting di rantau ini – air. Matlamat tersebut dicapai dengan membuka koridor alam bagi hidupan liar dan mencipta sekatan semulajadi dengan mengehendkan aliran bahan pencemar ke dalam sungai sambil memulihkan zon penampakan di sepanjang tebing Sungai Kinabatangan dan saluran air lain di ladang-ladang kelapa sawit. Aktiviti penanaman ini juga menyediakan sumber hasil tambahan bagi komuniti tempatan di kawasan penanaman, seterusnya menambah punca pendapatan mereka.

Berikutan kejayaan menyempurnakan Projek RiLeaf, Nestlé Malaysia telah memulakan Projek RELeaf pada 2020, dengan sasaran untuk menanam 3 juta anak benih pokok hutan asli menjelang 2023. Tempoh ini telah dilanjutkan kepada 2025 ekoran penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan berkaitan COVID, yang menyebabkan tapak-tapak penanaman tidak boleh dikunjungi buat tempoh masa yang lama. Kini diteruskan semula, Projek RELeaf telah meluaskan jejak menjangkau Sabah, iaitu ke Semenanjung Malaysia, termasuk di sepanjang Tulang Belakang Hutan Tengah dan lokasi-lokasi di Kuala Selangor, Perlis dan Terengganu. Tumpuan program ialah untuk mencipta koridor semulajadi bagi hidupan liar untuk mengurangkan interaksi manusia-haiwan dengan menghubungkan hutan-hutan yang terpisah di dalam ladang-ladang kelapa sawit. Koridor tersebut akan mewujudkan kawasan perlindungan bagi spesies tempatan yang terancam seperti orang utan, gajah pigmi, burung enggang, dan monyet probosis. Projek ini juga bertujuan memulihkan zon penampakan riparian di sepanjang Sungai Kinabatangan dan sungai-sungai di dalam kawasan ladang kelapa sawit yang menjadi rakan kerjasama untuk menentang pencemaran air.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Program penghutan semula kami mencerminkan komitmen jangka panjang kami untuk membantu Malaysia memulihkan khazanah ekosistemnya dan

melindungi biodiversiti, mengurangkan kesan perubahan iklim dan dalam pada itu membuka peluang bagi meningkatkan punca pendapatan komuniti luar bandar. Program penghutanan semula ini adalah satu daripada pelbagai cara kami berusaha mencetus perubahan positif. Sebagai contoh, program *Farmer Connect* kami terus menyokong ratusan keluarga luar bandar yang terlibat dalam penanaman cili, padi dan kopi di Kedah dan Kelantan. Kami memberikan bimbingan kepada mereka tentang amalan lestari seperti pertanian regeneratif yang melindungi nutrien tanah dan juga membantu meningkatkan hasilnya. Menerusi projek ini, kami bukan sahaja melindungi alam sekitar dan memelihara biodiversiti negara, tetapi Nestlé juga membantu komuniti luar bandar untuk berkembang maju.”

Sama seperti inisiatif terdahulu, Projek ReLeaf telah muncul sebagai pemangkin bagi transformasi positif dalam kalangan komuniti luar bandar tempatan, melibatkan lebih daripada 300 anggota masyarakat. Usaha terangkum ini melibatkan penyertaan komuniti Orang Asli, termasuk ramai wanita, di Kinabatangan, Sabah, dan pelbagai lokasi di seluruh Semenanjung Malaysia. Aktiviti utama mereka melibatkan penanaman dan penjagaan anak benih dan memantau pemindahannya ke tapak penanaman apabila mencapai saiz tertentu. Mereka juga menjaga pokok-pokok yang ditanam, untuk memastikan kadar kemandirian lebih daripada 80%. Dengan kesan pengganda positif yang luar biasa, projek ini telah mencipta peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti kehidupan komuniti yang terbabit. Projek ini mencerminkan pendekatan terangkum Nestlé Malaysia selama ini dengan matlamat membawa kesan positif kepada komuniti yang memerlukan.

Sejajar dengan agenda ESG yang dikenalpasti, Nestlé Malaysia akan terus menyumbang kepada matlamat Kerajaan Malaysia untuk menanam 100 juta pokok di bawah kempen 'Penghijauan Malaysia'. Sokongan ini menjadikan Nestlé

sebagai antara penyumbang terbesar untuk mencapai cita-cita penanaman pokok negara, sambil mengukuhkan ikrarnya untuk menjadi peneraju yang menyokong peralihan kepada kelestarian alam sekitar di Malaysia dan di peringkat global.

###

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 6456
Bimbit: +6012-235 6865
E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Shahida Irawan atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
Bimbit: +6019 688 7204 (Shahida) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my